

TAHAP KEMAHIRAN MEMBACA TEKS BAHASA ARAB PELAJAR BERASASKAN *PROJEK ARABIC STORYBOOK*

*(THE STUDENTS' READING SKILLS OF ARABIC LANGUAGE TEXT USING ARABIC
STORYBOOK PROJECT)*

Siti Nurul Aishah Binti Abdul Hamid
snaishah@ums.edu.my

Dr. Siti Katijah Binti Johari
sitiusuf@ums.edu.my

Nurul Ain Binti Zulhaimi
nurulainz@ums.edu.my

Nur Shafiekah Binti Sapan
nurshafiekah@ums.edu.my

Siti Aishah binti Ramli
siti.aishah@ums.edu.my

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Abstrak: *Kemahiran utama dalam mempelajari sesuatu bahasa antaranya adalah membaca. Membaca merupakan satu kemahiran yang sangat penting dan perlu dikuasai oleh pelajar bagi membolehkan mereka mengikuti dan menguasai pembelajaran Bahasa Arab di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS KAL) khususnya. Kursus Bahasa Arab yang ditawarkan sebagai salah satu subjek bahasa asing pilihan merupakan kursus yang wajib dipilih dan perlu diambil oleh pelajar-pelajar yang telah mencapai gelung 3 ke atas dalam peperiksaan Malaysian University English Test (MUET) agar membolehkan mereka lulus bergraduasi. Walaubagaimanapun, syarat utama dalam pendaftaran Kursus Bahasa Arab ini ialah pelajar-pelajar tersebut tidak pernah mempelajari bahasa ini di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ataupun dalam kelulusan kelayakan peringkat atas. Kebanyakan pelajar yang mendaftar kursus ini terdiri daripada pelajar yang sifar arab dan tidak pernah mengenal dan mempelajari Bahasa Arab sebelumnya. Objektif kajian adalah untuk melihat sejauhmanakah kesan peningkatan kemahiran membaca teks Bahasa Arab dan pandangan pelajar tentang pendekatan konsep Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP). Sampel kajian ini dijalankan terhadap pelajar-pelajar yang mendaftar kursus UA00202 seksyen 106 pada semester 2 sesi pengajian tahun 2018/2019. Pelajar-pelajar diberikan pendekatan menggunakan kaedah PBP yang dinamakan kepada Projek "Arabic Storybook" sebagai satu tugas bagi penilaian kerja kursus Bahasa Arab Tahap II yang diperuntukkan sebanyak 25% peratusan penilaian bagi keseluruhan kursus. Rekabentuk kajian ini dijalankan melalui kuasi-eksperimental menggunakan ujian pra-pasca satu kumpulan. Sampel kajian melibatkan seramai 16 pelajar UMS Kampus Antarabangsa Labuan yang terdiri daripada 6 pelajar berbangsa melayu, 3 pelajar berbangsa cina dan 5 pelajar berbangsa bumiputera Sabah. Tahap keberkesanan PBP diukur melalui instrumen ujian membaca yang mewakili 35 item soalan berpandukan format Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahun 6 (KSSR).*

Kata Kunci: *Kemahiran Membaca, Bahasa Arab, Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)*

Abstract: *The major skill in learning a language is reading. Reading is a very significant skill that need to be grasped by the students in order to enable them in mastering the Arabic language learning at Universiti Malaysia Sabah Labuan International Campus (UMSLIC) in particular. Arabic courses offered as one of the preferred foreign language subjects are courses which must be selected and taken by students who have scored band 3 or higher in the Malaysian University English Test (MUET) examination in order to graduate. However, the main requirement for enrolling in this Arabic Language Course is that the students have never studied this language at the Certificate of Education Malaysia (SPM) level or at the top-level qualifications. Most of the students who enrol in this course consist of students who have never learned Arabic before. The objective of this study was to see the extent to which Arabic language reading skills are improved and students' perceptions of the Project Based Learning (PBL) approach. The sample of this study was students who have enrolled in section 106 of UA00202 in the second semester of the 2018/2019 study session. Students had been exposed with a PBL approach named the "Arabic Storybook Project" as a task for assessing the work of the Level II Arabic course work which provides 25% percentage of the total coursework. The design of this study was carried out on a quasi-experimental basis using a pre-group pre-test approach. The sample involved 16 students of UMSLIC consisting of 6 Malay, 3 Chinese and 5 local Sabahan. The effectiveness level of PBL were measured using a reading test instrument representing 35 questionnaire items based on the 6-Year Standard School Curriculum (KSSR) format.*

Keywords: *Reading Skill, Arabic Language, Project Based Learning (PBL)*

2020 JGBSE

PENGENALAN

Bahasa Arab merupakan satu bahasa utama yang diaplikasikan di dalam agama Islam khususnya kepada penganut muslim. Perkataan-perkataan Bahasa Arab digunakan pada bacaan solat, penurunan ayat-ayat al-Quran, riwayat matan-matan hadis, bacaan zikir selawat dan sebagainya. Populasi penutur Bahasa Arab telah mendominasi di kawasan-kawasan dunia arab merangkumi Afrika utara dan timur tengah. Negara-negara yang menyatupadukan populasi arab terkumpul sebanyak gabungan 23 buah negara iaitu Algeria, Bahrain, Mesir, Iraq, Jordan, Kuwait, Lubnan, Libya, Maghribi, Oman, Palestin, Qatar, Arab Saudi, Syria, Mauritania, Republik Sudan, Tunisia, Emiriah Arab Bersatu, Republik Demokratik Arab Sahrawi, Yaman, Somalia, Djibouti, Comoros dan Sudan Selatan. Bahasa Arab juga telah diiktiraf sebagai salah satu bahasa tertua dan merupakan salah satu bahasa dunia dengan anggaran mempunyai penutur melebihi 422 juta di seluruh dunia (Mohd Saifussaleh, 2002).

Bahasa Arab dalam konteks di Malaysia merupakan bahasa ketiga yang diajar di beberapa institusi pendidikan bermula dari peringkat pendidikan rendah hingga pendidikan tinggi. Pembelajaran Bahasa Arab sering dianggap hanya untuk bangsa Melayu dan merupakan bahasa agama Islam sahaja. Namun dengan keistimewaan negara Malaysia yang merupakan penduduk yang terdiri dari berbilang kaum dan agama, mampu menjadikan negara ini satu platform mempelajari pelbagai bahasa asing dan mengenali budaya bangsa yang lain (Ashinida Aladdin, 2010). Kelebihan mempelajari bahasa asing termasuk Bahasa Arab adalah antaranya membuka peluang kerja lebih luas dengan mempunyai nilai tambah istimewa kepada pembelajar itu sendiri terutamanya membina kerjaya di Negara-negara Arab khususnya. Selain itu, mempelajari Bahasa Arab mampu mengembangkan minda secara lebih terbuka dengan mengetahui dan memahami budaya dan gaya hidup Bangsa Arab.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah merasmikan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) pada 1 Januari 1997. Selain itu, pelaksanaan Program Jawi, al-Quran, Arab, Fardu Ain (j-QAF) pada tahun 2005 di sekolah rendah dengan menjadikan Bahasa Arab Komunikasi sebagai satu matapelajaran wajib tahun satu. Ini jelas membuktikan bahawa kerajaan menitikberatkan dan memastikan pendidikan Bahasa Arab mampu bersaing seiring dengan perkembangan pendidikan bahasa-bahasa lain setanding pengiktirafan global (Anismazini, Mohd Zin (2014).

Permasalahan dalam pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia sering diperbincangkan. Pedagogi yang gagal merupakan salah satu antara punca pembelajaran merosot dalam kalangan pelajar (Abdul Razif bin Zaini, Muhammad Redzaudin Ghazali, Mohd Rufian Ismail, Noorshamsinar Zakaria, Hasmadi Hamdan, & Mohamad Rushdan Hj. Azizan, 2017). Teknik mengajar guru haruslah dipelbagaikan bagi menarik minat dan motivasi belajar. Bertepatan dengan gaya dan trend abad 21 yang menyelarikan penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian, maka pelaksanaan PBP mampu disesuaikan konsepnya kepada kaedah pembelajaran pelajar terkini.

Bahasa Arab di UMS KAL yang menjadikan bahasa tersebut salah satu bahasa asing pilihan yang wajib diambil oleh pelajar. Hasil pembelajaran bahasa-bahasa asing telah menggariskan bahawa pelajar perlulah sekurang-kurangnya mampu berkomunikasi dengan menggunakan ayat-ayat asas Bahasa Arab yang produktif. Namun perkara ini sukar dicapai jika permasalahan kemahiran membaca Bahasa Arab pelajar masih berada pada tahap rendah. Pada pemerhatian dan pengalaman mengajar pengkaji, pelajar masih kurang mahir membaca teks Bahasa Arab walaupun telah melepasi tahap 3. Justeru, bagi mengurangkan permasalahan kurang membaca Bahasa Arab dalam kalangan pelajar, maka kaedah PBP ini diterapkan dan dilaksanakan dalam p&p kursus Bahasa Arab di UMS KAL.

LARATBELAKANG PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK

Pembelajaran berasaskan projek merupakan salah satu inovasi teknik atau kaedah pengajaran sejajar dengan pendidikan abad ke-21. Kaedah dan model PBP sering diperkenalkan dan digunapakai sebagai panduan tenaga pengajar di setiap institusi pengajian. Teknik PBP lebih menumpukan pembelajaran berpusatkan pelajar, memerlukan satu jangka tempoh perlaksanaannya seterusnya ditafsirkan sebagai satu model aktiviti berbeza dengan amalan biasa di bilik darjah merentas disiplin ilmu dan kemahiran. Berbekalkan kemahiran digital dan teknologi zaman kini mampu membuatkan seseorang pelajar dapat meneroka sesuatu ilmu dengan lebih mendalam mengikut rentak gaya pembelajaran sendiri yang bermutu tinggi dalam situasi dunia sebenar.

William Heard Kilpatrick mula memperkenalkan kaedah PBP pada September 1918 dalam penulisan esainya berjudul "*The Project Method: The Use of the Purposeful Act in the Educative Process*" yang laris terjual sebanyak 65,000 naskah. Ilham itu tercetus daripada pengaruh penulisan John Dewey dan Edward L. Thorndike berkaitan falsafah serta pemikiran psikologi pendidikan. Matlamat utama Kilpatrick mengetengahkan kaedah PBP dalam dunia pendidikan adalah untuk menggalakkan pelajar mempelajari dan melopori sesuatu ilmu melalui pengalaman, pemerhatian dan percubaan secara bebas (Pecore, 2015). Sememangnya Kilpatrick mengatakan bahawa idea kaedah projek yang dikemukakannya bukanlah suatu yang baharu, malah merupakan pengubahsuaian daripada idea asal kaedah penyelesaian masalah Dewey. John Dewey mempercayai sesuatu pembinaan pengetahuan itu berlaku melalui aktiviti dan amalan pelajar berasaskan konsep teori konstruktivisme (Salam & Faridah, 2015).

Kementerian Pendidikan Malaysia (2019) dalam Kit Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) telah menggariskan tatacara dan ciri-ciri pelaksanaan pendekatan PBP diuraikan melalui 6 langkah berikut. Langkah pertama; Membina Soalan Utama. Soalan yang diajukan guru perlulah bersifat provokatif dan terbuka yang mampu membawa pelajar mengembangkan idea dan menonjolkan kreativiti diri. Langkah kedua; Suara dan Pilihan Pelajar. Pemilihan topik ditentukan pelajar berdasarkan soalan yang diajukan. Topik mestilah berkisarkan daripada lingkungan sukatan pelajaran kursus dan berkaitan dengan apa yang perlu dipelajari oleh pelajar. Langkah ketiga; Kemahiran Abad ke-21. Kemahiran pembelajaran kini memerlukan pelajar menyesuaikan diri bergerak secara kolaboratif, komunikasi di antara guru dan sesama rakan dan menjana pemikiran kritis dan kreatif dalam situasi sebenar. Langkah keempat; Inkuiri dan Inovasi. Guru perlu membimbing dan menggesa pelajar mencurahkan idea yang lebih terbuka dan perspektif baharu dengan membina pelbagai persoalan berdasarkan daripada soalan utama. Langkah kelima; Maklum Balasan dan Semakan. Pelajar mengajukan dan memberikan pelbagai pendapat dan tindakbalas terhadap topik yang diutarakan disamping mendapat bimbingan dan seliaan oleh para guru. Langkah keenam; Pembentangan Produk. Di penghujung aktiviti, setiap kumpulan pelajar mestilah membentangkan dan memperlihatkan produk hasil daripada projek yang dirancang.

Melihat pada sudut gambaran keseluruhan, PBP merupakan satu kaedah pengajaran yang mana pelajar akan dipandu dan diselia oleh guru dalam menyelesaikan hasil projek yang dirancang. Kemahiran pembelajaran zaman digital menjadikan mampu memupuk pelajar membentuk pengetahuan diri secara berdikari. Pelajar perlu memikir dan menyelesaikan masalah dunia sebenar daripada perkembangan persoalan dan pertanyaan sendiri, merancang strategi pembelajaran, mengurus penyelidikan terhadap permasalahan seterusnya berjaya melaksanakan dan merealisasikan hasil akhir persoalan dan topik itu sendiri. Justeru itu, pelajar yang menjalani kehidupan dalam persekitaran pendekatan PBP mampu memotivasikan diri mereka ke arah pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan berkualiti.

PERSOALAN KAJIAN

Soalan-soalan yang menjadi fokus utama dalam kajian ini:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pencapaian membaca teks Bahasa Arab pelajar dalam ujian pra dan pasca?
2. Apakah pandangan pelajar pendekatan kaedah PBP dalam meningkatkan kemahiran membaca teks Bahasa Arab?

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian kuasi-eksperimental melalui ujian pra-pasca satu kumpulan. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah gabungan (*mixed method*) antara pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Reka bentuk kajian pra-pasca satu kumpulan pelajar Bahasa Arab tahap rendah adalah seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1: Rekabentuk ujian pra-pasca satu kumpulan pelajar Bahasa Arab tahap 2

Kumpulan	Ujian Pra	Rawatan	Ujian Pasca
Kumpulan	T ¹	X	T ²

Sumber: Rekabentuk ujian pra-pasca satu kumpulan (Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Osman, Mei 2014).

Petunjuk: X: Kelas rawatan

T¹: Pencapaian ujian pra

T²: Pencapaian ujian pasca

Reka bentuk kajian ujian pra-pasca satu kumpulan hanya menggunakan keputusan kumpulan rawatan sebelum dan selepas untuk menilai kesan olahan pemboleh ubah tak bersandar iaitu PBP projek *Arabic Storybook*. Pada permulaan kajian, subjek akan diberikan satu ujian membaca dan diedarkan borang soal selidik pra bagi menentukan tahap kemahiran membaca. Setelah itu, subjek akan menjalani olahan selama 8 minggu mengikut perancangan yang ditetapkan pada semester berikut. Pergerakan aktiviti akan diselia dan dipantau oleh guru pada setiap minggu bagi mengikuti perkembangan subjek. Selepas olahan dilaksanakan dan diserapkan kepada subjek, ujian membaca dan borang soal selidik pasca diedarkan sekali lagi bagi menentukan tahap kedudukan subjek.

Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada pelajar- pelajar yang mendaftar Kursus Bahasa Arab Tahap 2 di UMSKAL pada sesi pengajian 2018/2019. Seramai 14 pelajar telah dikumpulkan di dalam seksyen 106 mengikut kouta yang telah ditetapkan oleh bahagian akademik universiti. Sampel mempunyai ciri-ciri heterogenus dari segi kebolehan dan pencapaian mereka terhadap matapelajaran Bahasa Arab.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah, rancangan pengajaran PBP projek *Arabic Storybook*, set ujian lisan pra-pasca, rubrik keputusan pencapaian membaca dan rakaman video ujian lisan.

Rancangan pengajaran Projek Arabic Storybook

Penilaian PBP ini merupakan salah satu bahagian penilaian Kursus Bahasa Arab tahap 2 iaitu di bawah peratusan kerja kursus berkumpulan sebanyak 25% selain penilaian peperiksaan pertengahan, ujian lisan dan peperiksaan akhir. Pelajar diarahkan untuk melakukan kerja kursus secara berkumpulan tidak lebih daripada 6 orang. Sebanyak 12 agenda dan aktiviti projek yang perlu diikuti oleh pelajar selari dengan tempoh 12 minggu daripada 14 minggu perkuliahan mengikut semester. Rancangan pelaksanaan projek bagi satu semester adalah merujuk kepada Jadual 2:

Jadual 2: Rancangan projek *Arabic Storybook* bagi kursus UA00202

Minggu	Aktiviti
1	<ul style="list-style-type: none">➤ Sesi taklimat berkaitan projek (matlamat, tujuan & hasil pembelajaran).➤ Edaran borang soal selidik-pra.➤ Edaran borang persetujuan peserta kajian.➤ Pembentukan ahli kumpulan .➤ Pemilihan tajuk video.
2	<ul style="list-style-type: none">➤ Ujian-pra membaca.
3	<ul style="list-style-type: none">➤ Pembelajaran sebutan huruf-huruf dan perkataan Bahasa Arab.➤ Menulis sarikata video secara lengkap.
4&5	<ul style="list-style-type: none">➤ Menterjemah video ke dalam Bahasa Arab.
6	<ul style="list-style-type: none">➤ Semakan terjemahan Bahasa Arab.
7	<ul style="list-style-type: none">➤ Membetulkan perkataan-perkataan yang diterjemahkan.
8	<ul style="list-style-type: none">➤ Membina buku cerita menggunakan dokumen.
9	<ul style="list-style-type: none">➤ Merakam dan melakonkan kembali hasil projek melalui video.
10	<ul style="list-style-type: none">➤ Pembentangan dan penilaian projek.
11	<ul style="list-style-type: none">➤ Ujian-pasca membaca.
12	<ul style="list-style-type: none">➤ Edaran soal selidik-pasca.

Sepanjang sesi perkuliahan yang berlangsung selama 14 minggu bermula pada bulan Februari sehingga Mei, para pelajar diberikan aktiviti-aktiviti berkaitan projek mengikut kumpulan masing-masing. Pada peringkat awal, pelajar akan didedahkan secara keseluruhan maklumat berkaitan projek dan diarahkan untuk membentuk kumpulan dengan mencampurkan ahli yang baik dan lemah dalam membaca teks Bahasa Arab. Setelah itu, pelajar diminta untuk memilih salah satu tajuk daripada tiga tajuk yang telah disenaraikan oleh guru. Tiga tajuk cerita berikut diperolehi daripada laman youtube berkisar tentang cerita dogeng kanak-kanak melalui laman rasmi #OfficialArabianFairyTales bertepatan dengan tahap kemampuan pelajar-pelajar asas. Tajuk-tajuk yang dipilih adalah *Flying Trunk*, *Intelligent Buffalo* dan *Tale of the Bamboo* (*Arabian Fairy Tales*, 2016). Edaran borang persetujuan penyertaan kajian dan borang soal selidik juga diberikan pada minggu pertama tersebut.

Objektif utama dalam pelaksanaan projek ini adalah untuk membolehkan pelajar membaca teks Bahasa Arab secara lebih baik dan lancar. Berbantuan video Bahasa Arab yang telah tersedia, para pelajar mampu mendengar berulang kali video tersebut untuk memerhatikan permasalahan berkaitan cara sebutan dan bunyi perkataan bagi membetulkan bacaan-bacaan yang susah seterusnya memperbetulkan cara bacaan yang salah. Tujuan lain juga adalah bagi melatih pelajar belajar secara berkumpulan dengan mengambil manfaat saling membantu ahli kumpulan yang lemah daripada ahli kumpulan yang lain. Bertepatan dengan matlamat utama PBP itu sendiri yang dinyatakan bahawa mampu merangsang pelajar belajar secara berdikari dan berdisiplin, disamping mampu bergerak secara berkumpulan untuk menyelidik dan mengembangkan pengetahuan baru melalui penyeliaan guru (Bell, 2010). Konsep PBP sejajar dengan kaedah pendidikan abad 21 yang menekankan kemahiran menyelidik, mengkaji, menganalisis dan mengaplikasi perkara yang dipelajari dalam kehidupan seharian sebenar bagi mengalakkan pelajar berfikir secara kreatif dan inovatif sepanjang pembelajaran berlaku (Norafizah Abdul Razak, 2016).

Ujian pra-pasca membaca

Sebelum pencerapan kajian dilaksanakan, para pelajar perlu menduduki satu ujian membaca yang diadakan secara individu. Pelajar diberikan 35 soalan yang diambil daripada buku bahasa arab tahun 6 mengikut panduan KSSR (Kurikulum Standard Sekolah Rendah) yang telah digariskan oleh KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Soalan-soalan itu mewakili 10 soalan berkaitan pengenalan huruf tunggal, 10 bacaan suku kata, 10 soalan berkenaan bacaan perkataan dan 5 soalan secara bacaan ayat. Contoh-contoh soalan yang digunakan dalam ujian tersebut berdasarkan seperti Jadual 3.

Jadual 3 : Contoh instrumen ujian membaca Bahasa Arab

Sebutan Huruf Tunggal	Bacaan suku kata	Bacaan Perkataan	Bacaan Ayat
ث	فَا	نَجْمٌ	ذَهَبَ الذَّنْبُ وَالذَّبَابُ إِلَى الْعَابَةِ.
ع	ضُو	أَحَدٌ	أَنَا جَائِعٌ جِدًّا، أُرِيدُ أَكْلَ النَّفَّاحِ لِكَيْنِي لَا أُسْتَطِيعُ الْحُصُولَ عَلَيْهِ.
س	كِي	فَالِحٌ	قَالَ الرَّجُلُ : "عَدَدُ النُّجُومِ فِي السَّمَاءِ بَعْدَ شَعْرِ حِمَارِي هَذَا"
ظ	فِي	بُعْثٌ	النِّظَامُ الشَّمْسِيُّ يُتَكَوَّنُ مِنْ عِدَّةٍ كَوَاكِبٍ.
ك	هُو	ذَاهِبَانٌ	عَادَرَ عَدْنَانٌ إِلَى دُبِّي صَبَاحًا، وَوَصَلَ مَسَاءً.
ت	كِي	الذَّنْبِ	
غ	بِن	الطَّائِلَةُ	
ط	سَع	يَسْتَنْظِلُ	
مَا	قُل	الْعَسْكَرِيُّ	
ص	نَم	يَتَكَوَّنُ	

Gred Penilaian Ujian Membaca Pra-Pasca

Markah penilaian keseluruhan ujian membaca pelajar dinilai berpandukan sistem purata nilai gred yang digariskan oleh Sektor Akademik Universiti. Nilai gred adalah berdasarkan kepada jumlah markah yang diperolehi daripada penilaian dan peperiksaan akhir semester seperti yang digunakan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Gred dan nilai gred

Gred	Minimum	Maximum	Nilai Gred	Standard	*Program Kejuruteraan (FKJ)	*Perakaunan (Program HE02) (FPEP)	*Program Perubatan (FPSK)
				Status			
A	80	100	4.00	Lulus Cemerlang	Cemerlang	Cemerlang	Lulus Cemerlang
A-	75	79	3.67				
B+	70	74	3.33	Lulus Kepujian	Kepujian	Kepujian	Lulus
B	65	69	3.00				
B-	60	64	2.67				
C+	55	59	2.33	Lulus	Lulus	Lulus	Gagal
C	50	54	2.00				
C-	45	49	1.67		**Subjek Lulus Bersyarat (SLB)	Gagal	
D+	40	44	1.33				
D	35	39	1.00				
E	0	34	0.00	Gagal	**Gagal		

(sumber: Manual Peperiksaan UMS, 2016)

Rubrik ujian membaca

Dalam ujian membaca, markah keseluruhan yang diberikan adalah 100 markah. Rubrik pemarkahan yang digunakan, diadaptasi dari kajian tesis Nur Hafizah (2011) yang disesuaikan mengikut aras tahap sampel kajian. Setiap soalan dinilai dari tiga aspek berikut iaitu sebutan, kelancaran dan ketepatan bacaan. Berkaitan dengan sebutan bacaan pelajar, ianya dilihat pada sebutan bunyi dan makhraj huruf-huruf Arab. Kelancaran bacaan pula dilihat pada keselesaan pelajar dalam membaca tanpa teragak-agak dan dinilai tempoh masa yang diambil ketika membaca. Manakala, Ketepatan bacaan dinilai pada bacaan betul mengikut harakat yang digunakan pada perkataan.

Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Set soalan ujian membaca ini direkabentuk dari contoh soalan Ujian PascProTim tahun 5 bagi aras menguji ara kemahiran membaca pelajar-pelajar di sekolah kebangsaan. Set yang digunakan ini dibahagikan kepada empat bahagian bermula dari bacaan huruf, suku kata, perkataan seterusnya bacaan ayat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). perkataan-perkataan yang digunakan adalah diambil dari panduan buku KSSR tahun 6. Setelah itu, soalan disemak oleh pakar Bahasa Arab dan telah dimurnikan dan diubahsuai seperti yang disarankan oleh pakar mengikut tahap kebolehan membaca Bahasa Arab pelajar UMSKAL.

Kebolehpercayaan ujian membaca dikira melalui pengujian kaedah ketekalan dalaman Alfa Cronbach. Nilai min, sisihan piawai serta kebolehpercayaan ujian selepas pemurnian ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4 : Statistik Deskriptif Dan Kebolehpercayaan Ujian

Ujian	Min	Sisihan Piawai	Pekali Kebolehpercayaan
Pra	59.9188	30.911	0.969
Pasca	69.7500	29.508	

Untuk tujuan penyelidikan, nilai kebolehpercayaan yang diterima adalah sekurang-kurangnya 0.70 dan ke atas (Fraenkel & Wallen, 2006). Didapati bahawa pekali kebolehpercayaan untuk ujian membaca pra dan pasca adalah 0.969. Ini bermaksud bahawa ujian membaca mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi untuk mengukur kemahiran membaca teks bahasa arab pelajar.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Soalan kajian 1: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pencapaian membaca teks Bahasa Arab pelajar dalam ujian pra dan pasca?

Jadual di bawah menunjukkan perbezaan skor min pra dan pasca ujian membaca yang diadakan. Berdasarkan dapatan kajian, ujian pra menunjukkan min yang rendah (min =59.918, sisihan piawai= 30.911). Manakala ujian pasca mencatatkan min yang tinggi (min=69.75, sisihan piawai=29.508). Ujian T menunjukkan terdapat perbezaan antara pra dan pasca $t(15) = -3.774$, $p = 0.002$. Keputusan menunjukkan tahap signifikan adalah 0.002 iaitu signifikan disebabkan nilainya adalah kecil daripada 0.05. Ini bermaksud, terdapat perbezaan yang signifikan antara pra dan pasca bagi ujian membaca sepertimana yang dijelaskan dalam jadual 5.

Jadual 5 : Perbandingan Skor Min Ujian Pra Dan Pasca Ujian Membaca

Ujian Membaca	N	Min	Sisihan Piawai	Df	Ujian T	Sig
Pra	16	59.918	30.911	15	-3.774	0.002
Pasca	16	69.750	29.508			

Dapatan ini menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan terhadap kemahiran membaca pelajar melalui keputusan ujian pasca berbanding ujian pra. Ini menjelaskan, terdapat perubahan meningkat pada penguasaan kemahiran membaca sampel kajian setelah diinovasikan kaedah p&p berasaskan PBP. Keberkesanan kaedah PBP dalam menguasai kemahiran membaca telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji dan terbukti berkesan mampu memberikan prestasi pencapaian yang lebih baik berbanding dengan kumpulan kawalan (Samuel, Shek, Elizabeth, & Ken, 2011; McClurg, 2009; Cervantes, 2003). Selain itu, penggunaan model PBP dalam p&p mampu menarik minat pelajar membaca dan memahami kandungan teks seterusnya meningkatkan motivasi belajar (Walsh, 2010; Anton Wibowo, 2016). Rumusannya, pelaksanaan projek *Arabic Storybook* mampu meningkatkan kemahiran membaca teks Bahasa Arab dalam kalangan pelajar UMSKAL.

Soalan kajian 2: Apakah pandangan pelajar pendekatan kaedah PBP dalam meningkatkan kemahiran membaca teks Bahasa Arab?

Menjawab kepada soalan kajian ini, maka pengagihan soal selidik terbuka telah diedarkan. Soalan-soalan tersebut tertumpu kepada pendapat dan pandangan pelajar terhadap kemahiran dan manfaat yang diperolehi setelah selesai menjalani kaedah PBP ini.

Jadual 6: Soalan Soal Selidik Terbuka

Soalan I: Apakah kemahiran yang anda capai setelah melalui proses projek *Arabic Storybook*?

- R01 : Membaca teks Arab dengan lebih lancar.
 - R03 : Membaca dan membunyikan serta membetulkan sebutan.
 - R05 : Dapat membaca ayat dalam Bahasa Arab. Saya juga mempelajari beberapa ayat dan perkataan baru.
 - R07 : Kemahiran yang telah saya capai setelah melalui proses projek membaca Arab ini ialah mengenal perkataan dan makna baru Arab.
 - R013 : Kemahiran mendengar vokal Arab, kemahiran menulis Arab guna *arabic keyboard*, mengenal huruf arab dengan lebih baik dan kemahiran sebutan lancar sedikit.
 - R014 : Membaca teks Bahasa Arab dengan lebih beremosi.
-

Soalan II: Apakah manfaat yang anda perolehi dari kaedah pembelajaran berasaskan projek ini?

- R06 : Bekerjasama dengan kawan-kawan untuk menghasilkan tugas.
 - R05 : Saya lebih terdorong untuk memahirkan diri dalam membaca Bahasa Arab.
 - R07 : Manfaat yang saya perolehi ialah saya dapat mengenal pasti perkataan-perkataan Arab.
 - R08 : Saya berjaya untuk menghafal makna beberapa perkataan Bahasa Arab dan bacaan saya semakin lancar yang berunsurkan kata lampau.
 - R013 : Saya dapat mengenalpasti bagaimana sebutan dan perbualan Arab yang betul. Saya akan perbaikinya.
 - R014 : Mengetahui pelbagai kosa kata dan perkataan-perkataan dalam Bahasa Arab.
 - R015 : Mudah menghafal teks Arab.
 - R016 : Saya dapat memperbaiki lagi pembacaan saya.
-

Berdasarkan jadual 6 dapat menunjukkan pendapat dan manfaat yang diperolehi oleh sampel kajian terhadap pelaksanaan PBP semasa sesi pembelajaran. Dapatan menjelaskan bahawa pelajar berpendapat PBP mampu meningkatkan bacaan Bahasa Arab dari segi aspek pembacaan lancar, sebutan yang betul, mengenal lebih banyak perkataan baru dan juga dapat memahami sedikit sebanyak kandungan ayat yang dibaca. Peningkatan pencapaian ini dikuatkan dengan keputusan ujian membaca yang lebih baik disebabkan sampel kajian sudah mampu membaca lebih daripada 10 perkataan yang diberikan seterusnya membaca ayat pendek menggunakan tanda baca dan ejaan yang betul. Hasil pemerhatian menunjukkan aktiviti PBP secara berkumpulan memberikan pelajar peluang berinteraksi sesama rakan khususnya dalam pembelajaran membaca ayat Bahasa Arab ketika bersama menyiapkan tugas Projek *Arabic*

Storybook ini. Disamping itu juga, sampel kajian mampu memperbaiki bacaan masing-masing seterusnya memperbaiki sebutan bacaan sesama rakan kumpulan. Manfaat kaedah PBP ini juga, sampel kajian berpendapat mereka mampu menghafal beberapa ayat-ayat Bahasa Arab dan mengenalpasti cara bacaan dan sebutan tepat yang ditonjolkan melalui hasil video kumpulan.

Refleksi Pengajar Berkaitan PBP

Melalui konsep PBP ini pengajar dapat mengetahui konsep sebenar teknologi dalam bidang pendidikan itu sendiri. Pengajar merasakan bahawa penggunaan teknologi sangat perlu digunakan dalam p&p agar dapat mempelbagaikan kaedah bahan bantu mengajar yang lebih kreatif dan inovatif. Sebagaimana yang diterapkan dalam aktiviti PBP yang melibatkan penggunaan multimedia, persembahan video, internet dan bahan media yang lain. Selain mampu menjimatkan masa dan tenaga pengajar, proses p&p itu menjadi lebih efektif, sistematik dan teratur dengan bantuan teknologi. Aktiviti PBP juga telah memfokuskan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar. Keterampilan pembelajaran itu mampu dikembangkan di antara rakan sekelas atau rakan sekumpulan seterusnya dapat berkongsi cara dan teknik belajar sesama pelajar. Selain itu juga, aktiviti PBP ini mampu membina pelajar berkemampuan menyelesaikan masalah sejurus meningkatkan motivasi belajar ke arah yang lebih baik.

PENUTUP

Kepelbagaian mengendalikan kaedah pedagodi haruslah dicuba oleh semua pihak pengajar dengan menepati citarasa gaya pembelajaran pelajar seterusnya menjadikan pembelajaran itu mampu meningkatkan motivasi pelajar. Kaedah PBL sememangnya bermanfaat dan boleh digunakan sebagai salah satu amalan dalam p&p. PBP dalam membaca teks bahasa arab dalam kajian ini mampu dijadikan ukuran dalam perancangan kurikulum modul bahasa arab terutamanya difokuskan kepada kemahiran membaca Bahasa Arab. Proses perancangan, pelaksanaan dan penilaian dalam kajian ini dapat memberikan idea kepada kepada pengajar dalam mengatur rancangan pengajaran yang lebih tersusun dan berkesan. Satu perkara yang perlu dipertimbangkan oleh pengajar dengan mencipta atau merancang sesuatu hasil p&p haruslah bertepatan dengan hasil pembelajaran yang digariskan pada setiap subjek. Oleh itu, kaedah pbp yang berkesan mampu melahirkan hasil yang mengagumkan bukan sahaja kepada pencapaian pelajar malah membentuk kemahiran insaniah pelajar bertepatan dengan suasana persekitaran sosial kini.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai dari segi kewangan oleh UMSSGrant, Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaysia Sabah (Pemberian Geran: SBK0387-2018)

RUJUKAN DAN BIBLOGRAFI

- Abdul Razif bin Zaini, Muhammad Redzaudin Ghazali, Mohd Rufian Ismail, Noorshamsinar Zakaria, Hasmadi Hamdan, & Mohamad Rushdan Hj. Azizan. (26-27 April, 2017). *Permasalahan Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Retrieved from Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan(PASAK):<http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/31-DR.ABDUL-RAZIF.pdf>
- Anismazini, Mohd Zin (2014) *Permainan bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab di sebuah sekolah rendah di Klang / Anismazini binti Mohd Zin*. Masters thesis, University of Malaya.
- Anton Wibowo. (2016, Mac). *Upaya Meningkatkan Kerjasama, Motivasi Dan Hasil Belajar Mata Pelajaran Ekonomi Melalui Project Based Learning Kelas XII IPS 1 SMA Negeri 1 Pajangan Tahun Pelajaran 2015/2016*. Retrieved from <https://core.ac.uk/download/pdf/53060754.pdf>
- Arabian Fairy Tales. (2016, Jun). Arabian Fairy Tales. Retrieved from <https://www.youtube.com/channel/UCazFScO30FKY3YoNNDfNY5g/about>
- Ashinida Aladdin. (2010). *Non-Muslim Malaysian learners of Arabic (NMMLAs): an investigation of their attitudes and motivation towards learning Arabic as a foreign language in multiethnic and multicultural Malaysia*. Retrieved from Procedia Social and Behavioral Sciences 9: <https://reader.elsevier.com/reader/sd/pii/S1877042810025097?token=37758B1977D1AA0E7B144D90A52FFF83CF84D194711F89E29B873EE8AB4E49B71FF803AA7ABCE4B89CB7878AB5EA6177>
- Bell, S. A. (2010). *Project-Based Learning For 21st Century : Skills For The Future*. Retrieved from Routledge Taylor And Francis Group: https://www.academia.edu/34971404/Project-Based_Learning_for_the_21st_Century_Skills_for_the_Future
- Cervantes, B. M. (2003, February). *The Impact Of Project-Based Learning On Mathematics And Reading Achievement Of 7th And 8th Grade Students In A South Texas School District*. Retrieved from ProQuest Dissertations And Theses Global: <https://search.proquest.com/pqdtglobal/docview/276075080/previewPDF/8FC0807F05584D6BPQ/1?accountid=44242>
- Fraenkel, J. R. dan Wallen, N. E. (2006). *How to design and evaluate research in education* (6th ed.). New York: McGraw-Hill
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Bahasa Arab Tahun 6*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Ujian PascaProTiM Tahun 5*. Retrieved from Portal Rasmi Jabatan Pendidikan Perak: <http://jpnperak.moe.gov.my/jpn/attachments/article/3042/Instrumen%20Membaca%20Ujian%20PascaProTiM%20Tahun%205.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019, September 25). *Pembelajaran Abad ke-21*. Retrieved from Portal Rasmi Institut Pendidikan Guru Kampus Guru Perempuan: <http://ipgkpm.edu.my/download/PAK21-KPM.pdf>
- Lee, L. W., Manisah Mohd Ali, & Noraini Salleh. (2008). *Pembinaan Dan Pengesahan Ujian Membaca Perkataan Dan Ujian Mengeja Untuk Tujuan Mengenal Pasti Disleksia: Satu Kajian Rintis*. *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, 151-162.
- McClurg, S. (2009, February). *ProQuest Dissertations & Theses Global*. Retrieved from Increasing middle school student achievement in reading and language arts

- with project -based learning methods of instruction:
<https://search.proquest.com/pqdtglobal/docview/276075080/previewPDF/8FC0807F05584D6BPQ/1?accountid=44242>
- Mohd. Saifussaleh Mohamed Tahir. (2002). *Masalah Komunikasi Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar-Pelajar: Satu Tinjauan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Segamat*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norafizah Abdul Razak. (2016, Oktober 06). *Project Based Learning Penuhi Pendidikan Abad 21*. Retrieved from Pendidikan Untuk Semua: <https://www.pendidik.com.my/2016/10/16/project-based-learning-penuhi-pendidikan-abad-21/>
- Nur Hafizah Ahmad Tajuddin. (2011). *Penguasaan kemahiran sebutan bahasa Arab melalui keadah transliterasi : Satu penilaian*. Retrieved from University Of Malaya Students Repository: <http://studentsrepo.um.edu.my/3163/>
- Pecore, J. L. (2015). From Kilpatrick's project method to project-based learning. *International Handbook of Progressive Education*, 155-171.
- Samuel, K. W., Shek, K. T., Elizabeth, K. L., & Ken, C. (2011, July). *Collaborative inquiry project-based learning: Effects on reading ability and interests*. Retrieved from Science Direct: <https://reader.elsevier.com/reader/sd/pii/S0740818811000296?token=A04B60965070C4A60B9A673B5B76D79AD8CE252B07287E4A8F770914F9287420B84C181D2706C1C2E6C61DE65C1FC55A>
- Salam, Faridah (2015) *Kesan pembelajaran berasaskan projek dengan scaffolding terhadap pencapaian dan peningkatan pembelajaran ICT pelajar tingkatan 4*. Doctoral thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Universiti Malaysia Sabah. (24 Mac, 2016). *Manual Peperiksaan Universiti Malaysia Sabah*. Retrieved from Bahagian Perkhidmatan Akademik UMS: <http://bpa.ums.edu.my/index.php/ms/pelajar-semasa/sistem-purata-nilai-gred>
- Walsh, K. (2010, August). *Motivating Students to Read through Project Based*. Retrieved from Fisher Digital Publication: https://fisherpub.sjfc.edu/cgi/viewcontent.cgi?referer=http://fisherpub.sjfc.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1004&context=education_ETD_masters&httpsredir=1&article=1004&context=education_ETD_masters
- Yahya Othman, & Dk. Suzanawaty Pg. Osman. (Mei 2014). Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui embelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 19-29.